

**MEMO DALAMAN  
UNIT PEPERIKSAAN**

Fail kami : PPD/UP/02 Jilid 11 ( )

Tarikh : 29 MEI 2020

<b>PERKARA</b>	<b>PENILAIAN KHAS (PK) SESI DISEMBER 2019</b>	
<b>DARIPADA</b>	<b>UNIT PEPERIKSAAN</b>	<b>Salinan: PENGARAH,TP(A) KJKA, KJKE, KJKM, KJP, KJPA, KJMSK,KU UPLI</b>
<b>KEPADA</b>	<b>PENSYARAH BERKENAAN (LAMPIRAN 1)</b>	

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pelajar (Lampiran 1) yang layak menjalani Penilaian Khas (PK) sesi Disember 2019 akan mula melapor diri dan memulakan kerja khusus mulai 8 Jun 2020 – 3 Julai 2020 selama 4 minggu secara atas talian. Keputusan Rasmi Keputusan Penilaian Khas (PK) sesi Disember 2019 boleh disemak mulai 8 Julai 2020.

3. Sehubungan dengan itu, pelajar yang lulus Penilaian Khas (PK) sesi Disember 2019 akan menjalani Latihan Industri Fasa 2 yang akan dilaksanakan pada 03 Ogos 2020 hingga 18 Disember 2020.

4. Sekiranya tuan/puan mempunyai sebarang kemusykilan tuan/puan boleh berhubung dengan Unit Peperiksaan di talian 06 – 662 2039. Kerjasama tuan/puan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.


**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(AHMAD ZAIDI BIN MISPAÑ)**

Ketua Unit Peperiksaan  
Politeknik Port Dickson

 06 – 662 2013

**SENARAI NAMA PELAJAR PENILAIAN KHAS (PK) SESI DISDEMBER 2019**

BIL	NO.MATRIK	NAMA PELAJAR	KURSUS	KELAS	JAB.	PA	PB	JUM	NAMA PENSYARAH
1	06DKA17F2061	MUHAMMAD ARHAM BIN A.RAHIM	DCC6223 - REKABENTUK KONKRIT BERTETULANG [ C1 ]	DKA5C	JKA	-	19	19	HAZLINA BINTI MAHFIDZ
2	06DAD17F1063	MUHAMMAD AL-IMRAN BIN SUHAIMI	DJJ5062 - COMPUTER AIDED DESIGN 2 [ C1 ]	DAD6A	JKM	-	27	27	MOHD RADZUAN HAIRI BIN MAT DIN
3	06DKM15F1057	MUHAMMAD NUR FAISAL BIN SHAMSUL HILMI	DJJ5123 - PNEUMATIC AND HYDRAULIC [ C2 ]	DKM6B	JKM	-	24	24	AKBAR BIN OTHMAN
4	06DTP16F1084	AMIR SYAHMI BIN BADRUL SHAM	DJF5053 - JIG & LEKAPAN DAN REKABENTUK ALAT [ C1 ]	DTP6	JKM	-	5	5	MOHD GHAZALI KADIR BIN SULAIMAN
5	06DKM17F1011	MUHAMMAD ARIF BIN RAZALI	DJJ5113 - MECHANICS OF MACHINES [ C2 ]	DKM6C	JKM	-	29	29	MOHD RADZUAN HAIRI BIN MAT DIN
6	06DKM16F1043	MUHAMMAD AMIR LUQMAN BIN RAHMAT	DJJ5123 - PNEUMATIC AND HYDRAULIC [ C2 ]	DKM6B	JKM	-	20	20	AKBAR BIN OTHMAN

**PROSES PENILAIAN KHAS (PK) SESI DISEMBER 2019 (PK)**



**UNIT PEPERIKSAAN  
POLITEKNIK PORT DICKSON**

---

**KAEDAH PERLAKSANAAN MENGULANG PENILAIAN.**

Jawatankuasa Peperiksaan Politeknik akan menentukan bentuk penilaian kursus-kursus yang akan diberikan kepada pelajar. Bentuk penilaian adalah:

- i) **MELAKSANAKAN PENILAIAN BERTERUSAN (PB) SECARA ATAS TALIAN**

**Kaedah dan Bentuk Penilaian:**

**1. Tempoh**

Tempoh pelajar melaksanakan kerja kursus adalah selama **EMPAT (4)** minggu bagi semua kursus

**Tarikh mula** : 08 JUN 2020 (ISNIN)  
**Tarikh Tamat** : 03 JULAI 2020 (JUMAAT)

**2. Bentuk penilaian**

Bentuk penilaian yang diberikan kepada pelajar ini, walaupun tempohnya lebih singkat, seharusnya setara dengan apa yang diberikan kepada pelajar semester semasa.

Penilaian Berterusan (PB) ini merangkumi pelbagai aspek penilaian sama seperti yang dilalui oleh pelajar sebelum ini iaitu:

- i) **Tutorial**  
Sekiranya pelajar lain dikehendaki membuat/menyempurnakan 8 tutorial maka pelajar ini juga sama. Pensyarah boleh memastikan setiap minggu atau satu tempoh bagi pelajar menyiapkan tutorial tersebut. Selepas pelajar menyerahkan tutorial 1 barulah pelajar diberikan tutorial 2 dan seterusnya.
- ii) **Tugasan/ "End of chapter"**  
Sama juga seperti tutorial tetapi bezanya kesemua tugasan/ "End of chapter" boleh diserahkan sekali gus kepada pelajar. Berikan tempoh atau tarikh akhir bagi pelajar menyerahkannya.
- iii) **Kuiz**  
Secara asasnya kuiz merupakan ujian pendek iaitu selama 5 – 10 minit sahaja yang merangkumi soalan-soalan ke tahap "Pengetahuan" dan "Kefahaman" sahaja.  
Pensyarah dan pelajar bolehlah menentukan masa yang sesuai bagi tujuan ini.

**iv) Ujian**

Secara asasnya ujian mempunyai tahap yang lebih tinggi daripada kuiz. Ujian boleh dijalankan selama 30 - 60 minit dan yang merangkumi soalan-soalan bagi sesuatu topik atau sub-topik. Soalan-soalan Peperiksaan Akhir semester-semester lepas juga boleh digunakan.

Pensyarah dan pelajar boleh menentukan masa yang sesuai bagi tujuan ini.

**v) Amali / Laporan makmal**

Oleh kerana mungkin terdapat kekangan bagi pelajar untuk mengadakan amali atau bengkel secara terus maka pelajar boleh diarahkan membuat laporan makmal berkenaan menggunakan data-data yang diperolehi dahulu.

**3. Pertimbangan**

- a) Pensyarah boleh dari semasa ke semasa mengarahkan/ menasihatkan pelajar untuk membaiki tahap pencapaian penilaiannya sekiranya dirasakan kurang memuaskan.
- b) Pelajar boleh dengan persetujuan pensyarah untuk membaiki kelemahannya sehingga mereka berpuashati dengan pencapaiannya.

**4. Pemarkahan dan Gred**

**i) Pemarkahan**

Penilaian Berterusan (PB) ini akan membawa markah 100% iaitu mengikut pecahan/ agihan markah yang biasa.

**ii) Penggredan**

Gred yang diberikan adalah mengikut apa yang dicapai oleh pelajar. Oleh yang demikian penilaian dan pemarkahan haruslah diteliti.

**5. Kehadiran**

Kehadiran pelajar untuk penilaian berterusan (PB) adalah wajib. Pensyarah kursus hendaklah merekodkan kehadiran pelajar bagi setiap sesi perjumpaan secara atas talian.

**6. Tarikh Penghantaran Markah**

Semua markah hendaklah sampai ke Unit Peperiksaan pada atau sebelum **6 JULAI 2020 (ISNIN)**.

## **7. Nota untuk Pensyarah Kursus**

- i) Pensyarah kursus perlu memilih pelajar dalam SPMP dengan menukar sesi ke SESI DISEMBER 2019 (PK) pada minggu pertama Penilaian Khas (PK).|
- ii) Keputusan maksimum pelajar yang lulus adalah Gred C.
- iii) Semua penilaian yang diberikan kepada pelajar beserta dengan jawapan pelajar perlu difailkan dalam sampul kecil yang disediakan oleh Unit Peperiksaan.
- iv) Pensyarah kursus perlu menyalin dan mencetak BORANG MARKAH PB CLO yang telah bertandatangan sebelum 6 JULAI 2020.
- v) Kehadiran pelajar semasa sesi perjumpaan hendaklah direkodkan
- vi) Failkan semua tugas yang diberikan beserta dengan jawapan pelajar.
- vii) Pelajar yang bermasalah hendaklah dimaklumkan dengan kadar segera kepada Penasihat Akademik pelajar tersebut dan Penyelaras Peperiksaan Jabatan untuk tindakan selanjutnya.